

11 DEC 1998

PM-PENGURUS DANA/I

PERATURAN KAWALAN TUKARAN WANG KEKAL, TETAPI MUNGKIN DIUBAH SUAI

Oleh: Durga Varma, Azlina Aziz & Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Pengurus-pengurus dana yang beroperasi di Malaysia telah diberitahu bahawa peraturan kawalan tukaran wang sekarang akan dikekalkan untuk sementara waktu dan bahawa pihak berkuasa sedang meninmbangkan langkah-langkah untuk mengubah suainya.

Pendirian ini disampaikan kepada 13 orang pengurus dana dari Singapura dan Hong Kong oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada taklimat tertutup khas hari ini yang dianjurkan oleh penasihat kewangan kerajaan yang baru dilantik, Salomon Smith Barney.

Antara pengurus dana antarabangsa utama yang hadir pada perjumpaan itu adalah Morgan Grenfell, Rothchilds, HSBC Asset Management, Invesco Asia Ltd, Aberdeen, UOB-OSK Asset Management, Mercury, Schroder, Henderson and Allianz.

Semasa sesi sejam itu, para pengurus dana itu telah bertanya sama ada tempoh penangguhan rasmi setahun, yang dikenakan oleh Malaysia ke atas pegangan asing saham-saham Malaysia dan pemindahan dana-dana dari 1 Sept tahun ini, akan dibatalkan.

Langkah itu menghendaki pelabur-pelabur asing menyimpan modal di Malaysia selama sekurang-kurangnya setahun mulai tarikh itu sebelum ia dibawa pulang.

Mereka menyatakan kebimbangan bahawa memanjangkan peraturan itu akan mempunyai kesan buruk ke atas pelaburan modal baru.

Dr Mahathir telah sentiasa menyatakan langkah-langkah kawalan tukaran wang yang diterima pakai oleh Malaysia adalah jangka pendek dan ia akan dibatalkan sebaik sahaja Malaysia yakin bahawa keadaan sedia kala kembali ke pasaran.

Seorang pengurus dana berpangkalan di Singapura, yang menyifatkan perjumpaan itu sebagai "amat meyakinkan", bagaimanapun, berkata bahawa sungguhpun para pengurus dana asing adalah pelabur jangka panjang, mereka adalah berbeza daripada pelaburan asing langsung.

"Sebagai pengurus dana portfolio, kami mengambil peratusan kecil saham di dalam syarikat-syarikat dan tidak mempunyai perlindungan pelabur tidak seperti pelabur langsung asing yang besar yang mempunyai perjanjian usaha sama untuk perlindungan.

"Kami tidak mempunyai kuasa seperti itu. Satu-satunya kuasa sebenar yang kami ada ialah menjual dan keluar," katanya, sambil menambah bahawa sungguhpun pengurus-pengurus dana portfolio menganggap diri mereka sebagai pelabur jangka panjang, kemudahan masuk dan keluar adalah satu isu yang amat penting bagi mereka.

Seorang lagi pengurus dana dari Hong Kong berkata: "Pelabur-pelabur mencari peraturan yang mudah dan mantap, dan pasaran yang telus."

Tambahnya bahawa Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada masa ini dianggap sebagai pasaran "tidak cair" oleh para pengurus dana asing.

Pasaran "tidak cair" ditafsir sebagai pasaran saham di mana para pelabur tidak dapat mengeluarkan wang mereka dalam masa 10 hari dan di dalam pasaran seumpamanya para pengurus dana hanya dibenarkan melabur sehingga 15 peratus.

Kami berharap agar terdapat perubahan kepada keadaan lebih baik agar modal portfolio jangka panjang akan mengalir semula ke dalam BSKL selepas tempoh penangguhan rasmi 12 bulan itu.

Peraturan itu, katanya telah melemahkan pengaliran masuk wang baru dan jika keadaan masih serupa selepas September 1999, para pengurus dana

terpaksa keluar daripada pasaran.

"Malaysia telah dikeluarkan daripada Indeks Komposit Morgan Stanley (MSCI) dan Indeks Perbadanan Kewangan Antarabangsa (IFCI), dua angkatunjuk penting yang para pengurus dana gunakan sebagai tanda aras bagi dagangan," tambah beliau.

Para pengurus dana juga memberitahu Dr Mahathir mengenai masalah-masalah dagangan kewangan yang mereka hadapi berikutan sistem urusniaga tetap yang dilaksanakan oleh BSKL.

Di bawah peraturan itu, apabila seseorang pelabur menjual sahamnya, ia hanya akan dibayar dalam sehari atau dua, dan tidak serta-merta, yang menimbulkan kebimbangan bagi para pelabur yang mahu perdana menteri mengkaji perkara itu.

Seorang pengurus dana berkata Dr Mahathir memberi jaminan kepada mereka bahawa perkara itu akan dikaji memandangkan ia adalah satu keadaan teknikal.

Perdana Menteri juga memberi taklimat kepada para pengurus dana itu bahawa Malaysia berbangga dengan iltizam dan kebolehan ramalan, dan pertumbuhan pesat negara adalah bergantung kepada pelaburan langsung asing sementara pelaburan portfolio asing adalah agak baru.

"Beliau juga memberitahu kami bahawa terdapat keperluan untuk menyekat spekulasi melampau di BSKL dan untuk mengelakkan amalan-amalan tidak beretika. Dr Mahathir mahu melihat BSDKL mencerminkan nilai-nilai asas dan pasaran yang tidak berputar-putar liar," kata pengurus dana itu.

Sementara itu, Yeo Kar Peng, pengarah dan ketua wakil Saloman Smith Barney, Malaysia berkata: "Pada keseluruhannya para pengurus dana itu "agak puas hati dengan arah haluan dasar Malaysia."

Beliau berkata perjumpaan itu diatur untuk membawa para pengurus dana ke Malaysia untuk mendengar daripada Perdana Menteri secara terus mengenai dasar-dasar dan arah haluan bagi Malaysia.

Seorang pengurus dana dari Hong Kong berkata mereka yang menghadiri perjumpaan itu adalah pelabur jangka sederhana dan jangka panjang yang beminat melabur di dalam syarikat-syarikat dengan keupayaan menjana aliran tunai yang berkekalan.

Pelabur-pelabur itu tidak berada di dalampasaran untuk membuat keuntungan cepat dan keluar cepat seperti spekulator, katanya, sambil menambah bahawa perjumpaan itu mengadakan peluang yang baik bagi mereka mendengar alasan di sebalik dasar-dasar yang diambil oleh kerajaan untuk membendung aktiviti-aktiviti spekulatif.

"Walaupun seseorang percaya terhadap pasaran bebas, seseorang perlu mengakui bahawa pasaran kadang kala gagal terutama semasa krisis.

"Jadi saya fikir adalah sah bagi sesebuah negara dengan pendedahan besar kepada ekonomi-ekonomi dan pasaran-pasaran luaran berfikir mengenai melaksanakan langkah-langkah seumpama itu untuk mendapat sedikit kelegaan sementara," katanya.

Tetapi katanya sesebuah negara, yang mengenakan kawalan modal, patut membiarkan modal bergerak dengan bebas semua secepat mungkin.

Walaupun terdapat kegawatan di Asia, pengurus dana Hong Kong itu berkata syarikatnya adalah optimis mengenai masa depan rantau ini dan telah meningkatkan portfolio pelaburannya dengan beransur-ansur dari masa ke semasa.

"Pendedahan kami bermula tiga tahun lalu. Kami melihat ini sebagai pendedahan jangka panjang yang berkembang dengan beransur-ansur.

"Adalah dasar syarikat tidak melabur dengan cepat ke dalam dan keluar pasaran," tambahnya. -- BERNAMA

DVS/AD/AA SHY OS